

ID07

IMPAK DAN PERSEPSI EKOPELANCONGAN TERHADAP KOMUNITI SETEMPAT DI LUMUT, PERAK

Norliyana Adnan¹ & Mohd Parid Mamat¹

Abstrak

Ekoopelancongan merupakan produk pelancongan yang berteraskan kekayaan alam semulajadi yang semakin berkembang pesat. Destinasi ekoopelancongan di berbagai ekosistem semulajadi mempunyai banyak keistimewaan dan memberi pelbagai manfaat bukan sahaja kepada pengunjung malah kepada masyarakat sekitarnya. Lumut merupakan salah satu destinasi ekoopelancongan ekosistem persisiran yang popular di Negeri Perak. Selain mempunyai pantai yang menarik, ia juga merupakan tarikan pelancong untuk mendapatkan hasil-hasil laut yang segar dan yang telah diproses. Objektif kertas kerja ini adalah untuk menilai impak ekoopelancongan terhadap komuniti setempat dan persepsi komuniti terhadap ekoopelancongan di persekitaran pantai Lumut, Perak. Kajian melibatkan aktiviti survei komuniti di enam buah kampung Mukim Lumut. Sebelum survei komuniti dijalankan, pasukan kajian mengadakan tinjauan awal (*rapid rural appraisal*) ke kawasan Mukim Lumut. Borang soal selidik dibangunkan adalah berdasarkan hasil tinjauan awal dan dibahagikan kepada beberapa bahagian merangkumi status isi rumah, impak ekoopelancongan dan persepsi ekoopelancongan terhadap isi rumah. Hasil kajian mendapati terdapat kesan-kesan positif yang diterima oleh komuniti setempat dengan pembangunan ekoopelancongan di sekitar Lumut.

Kata kunci : Ekoopelancongan, impak, komuniti setempat

PENGENALAN

Aktiviti ekoopelancongan pada masa kini merupakan salah satu cabang sektor pelancongan yang penting di Malaysia kerana kegiatan tersebut sangat rapat hubungannya dengan konsep pelancongan lestari. Pelancongan lestari membawa maksud sumber-sumber pelancongan semulajadi termasuk ekoopelancongan, kebudayaan dan lain-lain yang dipelihara untuk penggunaan yang berterusan pada masa yang akan datang tanpa menjejaskan peluang masyarakat masa kini untuk mendapat manfaatnya (Honey, 2008; Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah). Oleh yang demikian, ekoopelancongan merupakan sejenis aktiviti pelancongan yang berterusan memelihara, menyediakan pelbagai kemudahan di kawasan yang mempunyai tarikan pelancong, sama ada berkaitan dengan tarikan alam sekitar semulajadi atau ekologi buatan, melalui pemodenan infrastruktur fizikal dan sosial di kawasan tersebut sehingga menjadi satu aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pendapatan negara di samping mampu untuk meningkatkan taraf hidup komuniti lokal (Murphy, 1985). Komuniti setempat pula perlu mempunyai pengetahuan ekoopelancongan yang mencukupi untuk membolehkan mereka terlibat secara berkesan dalam aktiviti tersebut.

Ekoopelancongan merupakan satu produk pelancongan yang berteraskan kekayaan alam semula jadi yang semakin berkembang pesat bukan sahaja di Malaysia malah di dunia. Destinasi ekoopelancongan di berbagai ekosistem semula jadi ini mempunyai banyak keistimewaan dan memberi pelbagai manfaat bukan sahaja kepada pengunjung malah juga kepada masyarakat di sekitarnya. Aspek pemuliharaan persekitaran ini perlu ditekankan untuk memastikan keaslian persekitaran ini terjamin. Bagi mencapai matlamat pemuliharaan

¹ Program Perhutanan Sosial, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

dan ekopelancongan, peranan dan penglibatan komuniti tempatan dalam aktiviti pemuliharaan kawasan ini adalah amat relevan. Kajian ini menilai persepsi komuniti setempat terhadap persekitaran ekopelancongan di kawasan mereka dan impak ekopelancongan kepada pembangunan setempat.

KAWASAN DAN KAEDAH KAJIAN

Kawasan Kajian

Kawasan kajian adalah merupakan salah satu kawasan ekopelancongan berasaskan persekitaran pantai iaitu Lumut. Persekitaran pantai Lumut amat popular di kalangan pelancong sama ada dari dalam dan luar negara. Antara tumpuan pelancong adalah pantai-pantai yang popular untuk beriadah, beristirehat dan berkelah bersama keluarga seperti pantai di Teluk Batik, Teluk Senangin, Pasir Panjang. Tarikan pantai-pantai ini yang mempunyai pasir yang halus, ombak yang kecil sesuai untuk melakukan aktiviti air. Kemudahan menjalankan aktiviti air turut disediakan untuk sewaan dan kemudahan asas seperti bilik air, surau, gerai makanan disediakan disekitar pantai-pantai ini. Terdapat juga perkhidmatan homestay yang diusahakan oleh penduduk sekitar dan orang luar bagi kemudahan pelancong. Terdapat tujuh perkampungan yang dikenalpasti untuk tujuan kajian ini seperti di Jadual 1.



Gambarajah 1 :Peta Lokasi ekopelancangan Mukim Lumut

Jadual 1: Populasi 7 buah perkampungan di sekitar Mukim Lumut

Bil	Kampung
1	Kg. Pundut
2	Kg. Teluk Muroh
3	Kg. Padang Tembok
4	Kg. Batu 3
5	Kg. Bharu
6	Kg. Teluk Senangin
7	Kg. Telaga Nenas

Selain itu, Daerah Manjung dan Lumut telah dipersetujui sebagai salah sebuah kawasan di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di negeri Perak. Ia dikatakan langkah yang strategik berikutan daerah ini mempunyai kemudahan infrastruktur lengkap serta pelabuhan yang beroptensi menggerakkan pelan pembangunannya. Dengan ini, kajian ini amat bertepatan dengan pembangunan dan ekopelancongan di kawasan tersebut untuk menilai persepsi komuniti setempat.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian adalah dengan menggunakan medium soal selidik survei terhadap isi rumah komuniti di kawasan ekopelancongan Lumut. Bagi menjalankan survei ke atas komuniti, beberapa kaedah pengumpulan data primer melibatkan kaedah rapid rural appraisal, penyediaan kertas soal selidik, perancangan survei dan survei isi rumah.

Rapid rural appraisal

Rapid rural appraisal adalah merupakan tinjauan awal ke kawasan kajian bagi mendapatkan maklumat berkaitan penduduk dan komuniti setempat. Maklumat yang dikumpul termasuklah jumlah penduduk, bilangan isi rumah kegiatan ekonomi penduduk, pergantungan isi rumah ke atas sumber-sumber di persekitaran kawasan ekopelancongan. Maklumat-maklumat ini akan digunakan bagi penyediaan soal selidik. Tinjauan awal ke kawasan ekopelancongan Lumut telah dijalankan pada 7-9 Februari 2018. Lawatan awal ke kawasan ekopelancongan mukim Lumut.

Penyediaan soal selidik

Pembangunan soal selidik adalah merupakan komponen paling penting dalam kajian. Pembentukan soalan-soalan dalam soal selidik adalah berdasarkan tinjauan awal dan objektif keperluan kajian. Pembangunan soal selidik dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu maklumat persepsi terhadap persekitaran kawasan pelancongan, kesan impak ekopelancongan kepada komuniti setempat dan maklumat sosio-ekonomi dan demografi.

Borang kaji selidik ini mempunyai dua bentuk soalan iaitu soalan tertutup iaitu jenis soalan yang diiringi dengan senarai jawapan dan soalan terbuka. Penggunaan soalan tertutup ini bertujuan memudahkan responden menjawab soalan ini, selain ia boleh menjimatkan masa responden dan penyelidik (Bailey, 1984), manakala soalan terbuka membolehkan responden memberikan sebarang pandangan mereka terhadap perkara yang dikaji. Soalan-soalan kaji selidik dibina berdasarkan kajian lepas oleh Er Ah Choy (2009, 2010, 2011), Scheyvens (1999), Tosun (1999), Mowforth dan Munt (1998). Selain itu, pengukuran jawapan secara skala Likert telah digunakan. Menurut Resis Likert (Chua 2006), data yang dipungut melalui skala Likert lebih tinggi kebolehppercayaan berbanding dengan skala-skala lain dan terdapat beberapa skala pengukuran iaitu 1-3, 1-5, 1-7 atau 1-9. Kajian ini menggunakan lima pilihan jawapan bagi mengukur item-item yang telah dibina.

Perancangan survei

Survei adalah dijalankan secara survei isi rumah. Oleh itu, maklumat populasi kawasan persekitaran ekopelancongan ditentukan terlebih dahulu melalui tinjauan awal yang dilakukakan (rapid rural appraisal). Saiz sampel yg sesuai adalah penting dalam penentuan ketepatan anggaran nilai hasil kajian. Saiz sampel yang besar membayangkan lebih pembanci dan melibatkan kos kajian yang tinggi. Bagi kajian ini, anggaran saiz sampel adalah berdasarkan bilangan purata isi rumah di penempatan-penempatan terpilih. Pengiraan jumlah sampel akan menggunakan formula dari Yamane (1985). Penentuan saiz sampel mengikut Yamane (1985) adalah seperti berikut:

$$n = \frac{N}{1+N(e)^2}$$

yang mana n merupakan saiz sampel, N merupakan jumlah populasi dan e aras ketepatan (level of precision). Aras ketepatan yang di adalah berdasarkan 5% atau 0.05.

Jadual 2: Jumlah sampel yang diambil

Bil	Kampung	Sampel
1	Kg. Pundut	32
2	Kg. Teluk Muroh	51
3	Kg. Padang Tembok	51
4	Kg. Batu 3	47
5	Kg. Bharu	29
6	Kg. Teluk Senangin	32
7	Kg. Telaga Nenas	30
	Jumlah	272

Survei Isi rumah

Kajian dijalankan secara temuramah secara bersemuka (face-to-face interview). Survei isi rumah telah dijalankan pada 22-28 Februari 2018. Seramai lapan pembanci dengan di tujuh perkampungan di Mukim Lumut.

HASIL ANALISIS

Hasil survei, seramai 272 isi rumah telah ditemuramah. Dta yang diperolehi daripada borang kaji selidik diproses menggunakan program Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0. Analisis secara deskriptif digunakan bagi menilai persepsi komuniti terhadap persekitaran ekopelancongan Lumut. Soal selidik meminta persepsi komuniti terhadap kepentingan persekitaran ekopelancongan sebagai antara sumber warisan, pemeliharaan ekosistem dan pembangunan setempat termasuk ekonomi.

Persepsi komuniti terhadap kepentingan persekitaran ekopelancongan sebagai sumber warisan dan pemeliharaan ekosistem

Hasil menunjukkan purata komuniti adalah bersetuju dengan pandangan kepentingan kawasan persekitaran penting sebagai sumber warisan. Antara yang tertinggi adalah kawasan sebagai tarikan dan tumpuan pelancong untuk aktiviti rekreasi dan riadah. Ia tidak dapat dinafikan, sememangnya kawasan persisiran pantai Lumut amat terkenal sebagai kawasan perkelahan dan aktiviti air.

Jadual 3: Hasil analisis persepsi komuniti kepentingan persekitaran ekopelancongan

Bil	Persepsi sebagai...	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
1	Sumber warisan	1 (0.4)	3 (1.1)	30 (11.0)	139 (51.1)	99 (36.4)	272 (100)
2	Habitat pemeliharaan dan pemuliharaan flora & fauna	0 (0.0)	4 (1.5)	17 (6.3)	143 (52.6)	108 (39.7)	272 (100)
3	Sumber pendidikan dan penyelidikan	0 (0.0)	1 (0.4)	15 (5.5)	154 (56.6)	102 (37.5)	272 (100)
4	Tarikan dan tumpuan pelancong untuk aktiviti rekreasi & riadah	0 (0.0)	2 (0.7)	11 (4.0)	121 (44.5)	138 (50.7)	272 (100)
5	Monumen warisan dan sejarah sosial	1 (0.4)	4 (1.5)	58 (21.3)	119 (43.8)	90 (33.1)	272 (100)
6	Sumber tadahan air	13 (4.8)	7 (2.6)	65 (23.9)	104 (38.2)	83 (30.5)	272 (100)
7	Pengatur iklim setempat (<i>climate regulation</i>)	5 (1.8)	10 (3.7)	22 (8.1)	137 (50.4)	98 (36.0)	272 (100)

Persepsi komuniti terhadap kepentingan persekitaran ekopelancongan sebagai pembangunan tempatan dan ekonomi

Selain kawasan ini penting sebagai pemeliharaan ekosistem, ia juga turut menyumbang kepada pembangunan setempat dan penjaan ekonomi. Antara purata tertinggi pilihan komuniti adalah mereka bersetuju dan sangat bersetuju dengan pandangan bahawa ia dapat menjana pendapatan daripada hasil pelancongan dan turut menyumbang kepada kemahiran berniaga dan berurusan terutama kepada komuniti tempatan di perkampungan yang berniaga secara kecil-kecilan.

Jadual 4: Hasil analisis persepsi komuniti kepentingan persekitaran ekopelancongan

Bil	Persepsi sebagai...	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
1	Penjaan pendapatan (hasil pelancongan)	1 (0.4)	6 (2.2)	23 (8.5)	142 (52.2)	100 (36.8)	272 (100)
2	Menyumbang kepada pembangunan tempatan	1 (0.4)	5 (1.8)	40 (14.7)	129 (47.4)	97 (36.7)	272 (100)
3	Menyumbang kepada kemahiran berkomunikasi dikalangan komuniti setempat	0 (0.0)	3 (1.1)	38 (14.0)	149 (54.8)	82 (30.1)	272 (100)
4	Menyumbang kepada kemahiran	0 (0.0)	3 (1.1)	32 (11.8)	148 (54.4)	89 (32.7)	272 (100)

	berniaga dan berurusaniaga						
5	Menyumbang kepada peningkatan kemahiran kaum wanita dalam menceburi industri kecil	7 (2.6)	10 (3.7)	66 (24.3)	132 (48.5)	57 (21.0)	272 (100)

Maklumat sosio-ekonomi dan demografi

Maklumat sosio-ekonomi dan demografi adalah seperti di Jadual . Purata isi rumah adalah berkahwin iaitu 92.3%, berbangsa Melayu (96.7%). Jenis pekerjaan menunjukkan seramai 36.7% adalah bekerja sendiri sebagai sumber ekonomi utama komuniti. Kategori pendapatan tertinggi adalah di bawah RM 1,500 dengan seramai 52.2%, diikuti dengan kategori RM 1,501 ke RM 3,000 iaitu 32.3%.

Jenis	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	124	45.6
Perempuan	148	54.4
Status		
Bujang	21	7.7
Berkahwin	251	92.3
Bangsa		
Melayu	261	96.7
Cina	5	1.8
India	4	1.5
Jenis pekerjaan		
Sektor awam	11	4.0
Sektor swasta	35	12.9
Pesara	21	7.7
Bekerja sendiri	95	37.6
Tidak Bekerja	27	9.9
Pelajar	6	2.2
Suri rumah	70	25.7
Pendapatan		
<RM 1,500	142	52.2
RM 1,501 - RM 3,000	88	32.3
RM 3,001 - RM 4,500	19	7.0
RM 4,501 - RM 6,000	15	5.5
RM 6,001 - RM 7,500	2	0.7
>RM 7,501	6	2.2

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, persekitaran ekopelancongan memberi manfaat kepada komuniti setempat sama ada dari segi sumbangan persekitaran ekosistem mahupun kepada pembangunan setempat. Persepsi komuniti terhadap persekitaran ekopelancongan dan impak kepada penduduk juga amat positif. Ia menunjukkan minat penduduk ke atas penglibatan dalam aktiviti-aktiviti ekopelancongan yang memberi sumber pendapatan tambahan kepada mereka.

RUJUKAN

Bailey, KD (1984) *Methods of social research*. Free pr, New York.

Er AC, Noor Dina Jahari (2009) Pembangunan sektor pelancongan di Taman Rimba Komanwel, Selangor: Analisis penentu kelebihan kompetitif. In: Jumaat H. Adam, Muhammad Barzani Gasim, Zaini Sakawi (eds) *Bio- Kejuruteraan dan Kelestarian Ekosistem*, pp 291-305. Kumpulan Penyelidikan Kesihatan Persekitaran & Pusat Penyelidikan Bukit Fraser, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Er Ah Choy, Azima Abdul Manaf, Suhana Saad, Khalijah Rejab, Nurrul Assyikeen Md. Jaffary, Nadiyah Abd Halim, Shahidah Hamzah (2010) Persepsi pelancong terhadap tarikan pelancongan di Bukit Fraser, Pahang. In: Jumaat H. Adam, Muhammad Barzani Gasim, Zaini Sakawi, Er Ah Choy, Zulfahmi Ali Rahman, Noordeyana Tambi, Mohd Afiq Aizat Juhari (eds) *Bio-kejuruteraan, Penilaian Ekosistem dan Spesis 2010*, pp 203-214. Straits Digital Sdn Bhd., Subang Jaya.

Er Ah Choy, Choy Sheau Tsuey, Alim Biun, Jumaat Adam (2011) The nascent ecotourism journey for Mt. Tambuyukun. *Australian Journal of Basic Applied Sciences* 5 (12), 3118-3322.

Mowforth M, Munt I (1998) *Tourism and sustainability: New tourism in the third world*. Routledge, London.

Tosun C (2000) Limit to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management* 21, 613-633.

Scheyvens R (1999) *Case study: Ecotourism and the empowerment of local communities*. *Tourism Manage* 20, 245-249. DOI: 10.1016/S0261- 5177(98)00069-7.

Yamane, J.F. 1985. *Statistic: A Tool for Social Research*. USA: Wadsworth publishing.

www.koridorutara.com.my